

INSTRUMEN KECERDASAN SPIRITUAL UNTUK PEMIMPIN SEKOLAH (IKSiPS)

Tajulashikin Jumahat
Institut Aminuddin Baki Cawangan Genting Highlands
tajulashikin@iab.edu.my

ABSTRAK

Kecerdasan spiritual merupakan satu konsep psikologi moden yang sering dikaitkan dengan kepimpinan. Kajian ini ingin memaparkan kesahan instrumen pengukuran kecerdasan spiritual yang dibina khusus untuk pemimpin sekolah di Malaysia. Kerangka konsep kecerdasan spiritual di dalam kajian ini adalah berasaskan empat dimensi iaitu Kesedaran Spiritual, Akhlak, Amanah dan Pembelajaran Berterusan. Dalam fasa pertama kajian, kesahan awal konstruk Instrumen Kecerdasan Spiritual Pemimpin Sekolah (IKSiPS) diperoleh melalui kaedah Nisbah Kesahan Kandungan atau Content Validity Ratio (CVR) yang melibatkan 31 orang pakar. Kesahan konstruk fasa kedua diperoleh melalui Analisis Faktor Penerokaan atau Exploratory Factor Analysis (EFA) menggunakan perisian SPSS 22. Seramai 411 pemimpin sekolah yang menghadiri latihan di Institut Aminuddin Baki (IAB) telah menjadi sampel kajian. Melalui kaedah analisis faktor ini, lapan faktor telah berjaya dihasilkan. Pemurnian instrumen seterusnya dilakukan menggunakan Analisis Faktor Pengesahan atau Confirmatory Factor Analysis (CFA) dengan perisian AMOS 22 melibatkan seramai 413 sampel pemimpin sekolah yang juga menghadiri kursus di IAB. Prosedur CFA telah menunjukkan kesepadanan model IKSiPS dengan data kajian. Ketiga-tiga fasa kesahan telah membuktikan IKSiPS mempunyai ciri-ciri psikometrik yang berwibawa. Oleh itu, kajian ini mencadangkan bahawa IKSiPS berpotensi digunakan sebagai instrumen untuk mengukur atribut kecerdasan spiritual dalam kalangan pemimpin sekolah di Malaysia dan juga memenuhi keperluan latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan di dalam domain afektif. IKSiPS juga boleh digunakan di dalam kajian berbentuk perhubungan sebab-akibat di masa hadapan.

Kata kunci: Kecerdasan Spiritual, Pemimpin Sekolah, CVR, EFA, CFA

PENGENALAN

Kecerdasan spiritual merupakan satu konstruk psikologi moden yang sering dikaitkan dengan keberkesanan seseorang pemimpin (Cowan, 2005; Hildebrant, 2011). Malah menurut Covey (2004), potensi kecerdasan spiritual individu dilihat lebih berpengaruh berbanding kecerdasan akal (IQ) dan kecerdasan emosi (EQ). Manakala Wigglesworth (2006) pula mengatakan bahawa gabungan ketiga-tiga jenis kecerdasan ini bakal melonjakkan potensi individu ke satu tahap yang lebih tinggi terutamanya di dalam bidang kepimpinan.

Di dalam bidang pendidikan misalnya, kecerdasan spiritual mempunyai pengaruh yang signifikan di dalam kalangan pemimpin sekolah (Ker-Dincer, 2007; Rahimah & Hailan, 2013). Seiring dengan penemuan ini, Institut Aminuddin Baki (IAB) sebagai peneraju dalam latihan kepimpinan dan pengurusan pendidikan tidak ketinggalan memanfaatkan potensi afektif iaitu EQ dan SQ melalui Kursus Keberkesanan Kendiri Dalam Pengurusan Pendidikan (Institut Aminuddin Baki, 2016). Sesuai dengan perkembangan semasa latihan kepimpinan, integrasi kecerdasan spiritual dilihat tetap kekal relevan bagi mendepani era kepimpinan pendidikan yang lebih mencabar masa kini.

Sebagai elemen pelengkap di dalam latihan afektif, menurut Bar-On dan Rock (2013), pembinaan instrumen pengukuran kecerdasan spiritual turut memainkan peranan yang penting di dalam pembangunan potensi individu. Oleh yang demikian, pembinaan instrumen penilaian sendiri dimensi spiritual bagi memenuhi keperluan latihan afektif pemimpin sekolah

adalah tepat pada masanya (Amin, 2011). Ini adalah sejajar dengan aspirasi yang terkandung di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM) dan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) (Saedah, Shamsiah, Che Zarrina, & Mohammed Sani, 2016). Ia juga menyediakan satu landasan bagi meningkatkan lagi keberkesanan organisasi dengan menilai potensi kecerdasan spiritual dalam kalangan pemimpin pendidikan secara amnya (Shabnam & Tung, 2013).

Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk membina Instrumen Kecerdasan Spiritual Untuk Pemimpin Sekolah (IKSiPS) bagi memenuhi keperluan latihan afektif kepimpinan pendidikan. Di peringkat permulaan ini, IKSiPS adalah dibina khusus untuk pemimpin Muslim di sekolah. Oleh itu, instrumen ini disandarkan kepada kerangka Tasawur Islam atau *Islamic Worldview* (Tajulashikin, 2018). Maka, penyelidik telah membataskan domain kecerdasan spiritual berdasarkan teori, konsep serta kajian sarjana Islam kontemporari bagi memberikan definisi dan membina kerangka konsep model kecerdasan spiritual dari perspektif Islam.


TINJAUAN LITERATUR

Definisi Kecerdasan Spiritual

Iskandar (2012) telah mendefinisikan kecerdasan spiritual sebagai kefungsiatan hati manusia secara maksimum yang melibatkan deria penglihatan, pendengaran serta kapasiti pemahaman manusia yang disandarkan kepada kefahaman wahyu Ilahi. Manakala Fatimah (2012) pula mentakrifkan kecerdasan spiritual sebagai kecerdasan hati manusia. Menurut pandangan Bensaid, Machouche dan Grine (2014) pula, kecerdasan spiritual dari perspektif Al-Qur'an adalah terhasil dari manifestasi iman yang mendalam serta kepercayaan terhadap keesaan Allah SAW yang melahirkan emosi, pemikiran dan tindakan yang positif. Ini seiring dengan pandangan Crow (2006) iaitu konotasi kecerdasan dari perspektif Islam melibatkan elemen pemikiran, emosi dan juga tingkah laku individu. Di dalam kajian ini, penyelidik mendefinisikan kecerdasan spiritual sebagai potensi spiritual yang dimanifestasikan oleh pemimpin sekolah berlandaskan kepada kerangka Tasawur Islam (*Islamic Worldview*) yang diwakili oleh dimensi Kesedaran Spiritual, Akhlak, Amanah dan Pembelajaran Berterusan. Oleh itu, kecerdasan spiritual di dalam kajian ini adalah merujuk kepada kecerdasan spiritual yang dimiliki oleh pemimpin sekolah Muslim sama ada yang memimpin di sekolah menengah atau pun di sekolah rendah. Definisi ini akan diterjemahkan ke dalam kerangka konseptual kajian sebagai landasan teori pembinaan IKSiPS.

Kerangka Konsep

Di dalam kajian ini, kerangka konsep kecerdasan spiritual adalah berdasarkan kerangka teori Tasawur Islam (*Islamic Worldview*) (Al-Attas, 1995). Kerangka konsep ini diwakili oleh empat dimensi iaitu: a) Kesedaran Spiritual diwakili oleh tiga konstruk iaitu Takwa, Tawakal dan Taubat, b) Akhlak yang diwakili oleh dua konstruk iaitu Sabar dan Kebenaran, c) Amanah diwakili oleh Keadilan dan Integriti dan d) Pembelajaran Berterusan diwakili oleh Kebijaksanaan Beragama dan Perkongsian Ilmu (Tajulashikin, 2018). El-Menouar (2014) secara khususnya menegaskan bahawa pembinaan alat pengukuran dari perspektif Islam perlu disandarkan kepada teori yang kukuh. Kesemua dimensi dan konstruk yang diutarakan ini telah dibahaskan dan diuraikan secara komprehensif di dalam pembinaan kerangka konsep IKSiPS (Tajulashikin, 2018). Rajah 1 menunjukkan model awal kerangka konsep kecerdasan spiritual untuk pemimpin sekolah. Apa yang menarik yang ingin diketengahkan dalam kajian ini adalah konstruk-konstruk dalam Islam adalah seiring dengan konsep-konsep psikologi iaitu kesemua dimensi yang disarankan mempunyai hubungan di antara satu sama lain (Al-Qaradawi, 2010; Reise, Waller, & Comrey, 2000). Secara tidak langsung ia akan mempengaruhi prosedur analisis yang akan digunakan di dalam kajian ini.



Rajah 1: Model Awal Model Kecerdasan Spiritual Untuk Pemimpin Sekolah (Tajulashikin, 2018)

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini adalah berbentuk kajian tinjauan secara keratan rentas dan merupakan kaedah yang sering digunakan dalam pembinaan instrumen psikologi Islam (Al-Ammaret al., 2008; Abdul-Lateef et al., 2005). Kajian tinjauan ini merupakan kaedah yang turut digunakan dalam pembinaan instrumen kecerdasan spiritual oleh pengkaji psikologi yang lain (Amram, 2008; King & DeCicco, 2009).

Sampel Kajian

Sampel kajian bagi fasa pertama melibatkan 31 orang pakar menggunakan prosedur Kesahan Kandungan Nisbah atau *Content Validity Ratio* (CVR). Bagi fasa kedua dan fasa ketiga kesahan pula, sejumlah sampel yang besar diperlukan bagi memenuhi andaian prosedur analisis faktor iaitu kaedah Analisis Faktor Penerokaan (Exploratory Factor Analysis - EFA) dan Analisis Faktor Pengesahan (Confirmatory Factor Analysis - CFA). Dengan kata lain, ia memerlukan sejumlah kepelbagaian sampel yang mencukupi agar faktor-faktor yang mandiri dapat dihasilkan secara optimum (Reise et al., 2000).

Kajian ini menggunakan kaedah pensampelan kuota bagi memperoleh jumlah sampel yang mencukupi (Sekaran, 2003). Sampel kajian adalah terdiri daripada Pengetua/Guru Besar (PGB), Penolong Kanan Pentadbiran, Penolong Kanan Hal Ehwal Murid, Penolong Kanan Kokurikulum dan Penyelia Petang yang menghadiri kursus di cawangan-cawangan Institut Aminuddin Baki (IAB). Sebanyak 824 sampel telah digunakan bagi menguji kesahan IKSIPS. Kedua-dua prosedur EFA dan CFA memerlukan set data yang berbeza dan juga bagi tujuan kesahan silang (*cross-validation*) (Black & Earnest, 2009). Dua set data telah dipilih secara rawak menggunakan perisian SPSS 22; set pertama sebanyak 411 sampel bagi EFA dan set kedua sebanyak 413 sampel bagi CFA.

Instrumen

IKSiPS dibina menggunakan skala Likert lima mata iaitu respons “Amat Tidak Setuju” hingga “Amat Setuju”. Skala Likert lima mata ini merupakan skala yang minimum bagi aplikasi prosedur EFA dan CFA (Kline, 2011). Instrumen ini terdiri daripada dua bahagian iaitu Bahagian A mengandungi maklumat demografi pemimpin sekolah dan Bahagian B terdiri daripada item-item atau indikator yang dibina berdasarkan konstruk-konstruk kecerdasan spiritual. Setiap konstruk harus diwakili oleh sekurang-kurangnya tiga item untuk memenuhi syarat atau andaian analisis faktor (Hair et al., 2019). Oleh itu di dalam kajian ini, setiap konstruk diwakili sekurang-kurangnya lima item untuk mendapatkan ciri *over-inclusiveness* agar konstruk tersebut dapat dikekalkan apabila melalui prosedur EFA dan CFA (Clark & Watson, 1995; Netemeyer, Bearden, & Sharma, 2003). Instrumen awal dibina menggunakan tiga kriteria iaitu bukti secara teori, empirikal dan logik sama ada diadaptasi atau dibina sendiri oleh penyelidik (Fisher et al., 2013).

Fasa Pertama–Kesahan Kandungan

Prosedur Kesahan Kandungan Nisbah atau *Content Validity Ratio* (CVR) merupakan kaedah kesahan kandungan kuantitatif yang diperkenalkan oleh Lawshe (1975). Ia melibatkan kesahan pakar dalam pelbagai bidang yang sesuai dengan matlamat kajian. Pakar-pakar ini akan menyatakan persetujuan mereka sama ada **Penting**, **Berguna tetapi tidak penting** dan **Tidak sesuai**. Apabila jumlah sampel pakar telah mencukupi, nilai CVR bagi setiap item akan dikira berdasarkan formula di bawah:

$$CVR_i = \frac{n_e - \frac{N}{2}}{\frac{N}{2}}$$

CVR_i adalah nilai setiap item instrumen, n_e adalah bilangan pakar yang bersetuju item adalah **Penting** dan N ialah jumlah pakar yang diambil. Sekiranya pakar memilih **Berguna tetapi tidak penting** dan **Tidak sesuai** maka item tersebut tidak diambil kira dalam penentuan indeks CVR bagi sesuatu item. Bagi mengekalkan sesuatu item, bilangan pakar yang ramai diperlukan bagi menilai sesuatu item (Hogan 2007). Oleh itu, kajian ini telah mengambil 31 orang pakar bagi mendapatkan keesahan kandungan IKSIPS.

Fasa Kedua–Kesahan Awalan Konstruk

Analisis Faktor Penerokaan (EFA) digunakan untuk meneroka dan mendapatkan faktor-faktor yang terbaik dari respons terhadap item-item sesuatu instrument kajian (Field, 2017). Sejumlah 411 sampel telah digunakan bagi tujuan ini. Perisian yang digunakan untuk prosedur EFA dalam kajian ini adalah SPSS 22. Secara khususnya, di dalam kajian ini, EFA dilaksanakan menggunakan prosedur *Principal Axis Factoring* (PAF) dan putaran faktor *Promax* (Matsunaga, 2011; Meyers et al., 2013). Putaran faktor *Promax* adalah sejenis putaran oblik yang sesuai digunakan bagi memperoleh faktor-faktor psikologi (Reise et al., 2000). Ia juga mempunyai kelebihan untuk mengesan isu *multicollinearity* melalui matriks korelasi faktor (Pallant, 2010). Item-item yang dipilih bagi tujuan EFA telah ditetapkan pada indeks pemberat melebihi 0.40 untuk memudahkan penyelidik memilih item-item terbaik yang terkelompok dalam faktor-faktor tertentu (Clark & Watson, 1995).

Fasa Ketiga–Kesahan Akhir Kontruk

Analisis Faktor Pengesahan (CFA) digunakan untuk menguji dan mengesahkan teori yang terbina dari EFA (Worthington & Whitaker, 2010). Perisian yang digunakan adalah AMOS 22 berdasarkan prosedur *maximum likelihood estimation* (MLE) (Byrne, 2010). Di dalam

konteks kajian ini, CFA digunakan bagi menentukan kesepadan model IKSIPS dengan set data kedua iaitu 413 sampel melalui lima langkah yang dicadangkan oleh Schumacker dan Lomax (2010) iaitu Spesifikasi Model, Identifikasi Model, Pengukuran Model, Ujian Kesepadan Model dan Modifikasi Model. Dengan kata lain, prosedur CFA akan menentukan sama ada model yang dicadangkan dalam EFA adalah sepadan dengan data akhir kajian.

Kesepadan model dapat ditentukan berdasarkan tiga indeks kesepadan iaitu *Comparative Fit Index* ($CFI > 0.90$), *Root Mean Square Error of Approximation* ($RMSEA < 0.08$) dan *Normed Chi-square* ($\chi^2/df < 5.0$) (Kline, 2011). Kriteria oleh Hu dan Bentler (1999) turut dipertimbangkan bagi memperoleh kesepadan model yang lebih baik (i.e., $CFI \geq 0.95$; $RMSEA \leq 0.06$). Seperti prosedur EFA, CFA turut mempertimbangkan nilai pemberat tetapi dengan nilai ambang yang lebih tinggi iaitu 0.60 bagi memperoleh kesepadan model (Knehta, Runyon, & Eddy, 2019). Indeks lain yang digunakan bagi memperoleh item-item terbaik ialah Indeks Modifikasi atau *Modification Indices* (MI) di bawah 15.0 bagi mengelakkan isu *cross-loading* yang mampu menggugat kesepadan model (Kline, 2011).

KEPUTUSAN

Fasa Pertama – Nisbah Kesahan Kandungan (CVR)

Di awal pembinaan IKSIPS, 59 item telah dibina. Kesahan kandungan CVR menunjukkan majoriti item (melebihi 95%) telah diterima oleh pakar walaupun nilai ambang diletakkan pada aras kritikal yang tinggi (Hogan, 2007). Melalui prosedur CVR, 52 item telah berjaya dikekalkan dan akan dibawa ke fasa kedua kesahan konstruk.

Fasa Kedua – Analisis Faktor Penerokaan (EFA)

Beberapa siri proses analisis faktor dilakukan menggunakan prosedur *principal axis factoring* bersama putaran oblik *Promax* untuk mendapatkan faktor yang tekal. Nilai-nilai korelasi antara faktor adalah melebihi 0.3 (Floyd & Widaman, 1995). Ini menunjukkan kesesuaian penggunaan putaran *Promax* bagi penghasilan faktor secara optimum. Jadual 1 menunjukkan lapan faktor yang dihasilkan berjaya menerangkan 60.0% *Total Variance Explained*. Nilai peratusan ini adalah nilai yang baik bagi konstruk yang baharu diperkenalkan (Netemeyer et al., 2003). Manakala, 40.0% baki varians tidak dapat diterangkan oleh konstruk kecerdasan spiritual. Ukuran kecukupan sampel iaitu *Kaizer-Mayer-Olkin* (KMO) adalah 0.90 dan ini menunjukkan sampel adalah mencukupi bagi prosedur EFA (Pallant, 2010). Nilai ini adalah seperti yang dijangka kerana nilai nisbah sampel terhadap item yang tinggi (8:1). Nilai *Bartlett's Test of Sphericity* adalah signifikan ($\chi^2 = 9072.096$, $p = .000$) dengan nilai p di bawah 0.05 menunjukkan pemboleh ubah boleh difaktorkan (Pallant, 2010). Indeks matriks *anti-image* juga didapati melebihi nilai ambang 0.50 iaitu di antara 0.85 sehingga 0.96 (Hair et al., 2019).

Jadual 1: *Total Variance Explained* Bagi Lapan Faktor

Faktor	<i>Initial Eigenvalues</i>			<i>Extraction Sums of Squared Loadings</i>		
	Total	Peratus Varians	Peratus Kumulatif	Total	Peratus Varians	Peratus Kumulatif
1	11.104	31.726	31.726	10.717	30.620	30.620
2	4.587	13.105	44.830	4.265	12.184	42.804
3	1.993	5.694	50.524	1.673	4.779	47.584
4	1.626	4.647	55.171	1.209	3.454	51.038
5	1.335	3.815	58.985	.964	2.754	53.792
6	1.255	3.587	62.573	.810	2.314	56.106
7	1.185	3.387	65.960	.791	2.261	58.367
8	1.025	2.929	68.888	.585	1.670	60.038

Nota. *Total variance explained* ditunjukkan dengan huruf tebal.

Jadual *pattern matrix* dari output EFA digunakan untuk melihat dimensionaliti faktor-faktor yang berjaya dihasilkan. Keputusan akhir analisis faktor memperlihatkan kesemua item berada di dalam faktor yang dicadangkan kecuali faktor Kebenaran. Oleh itu, item-item di dalam faktor Kebenaran telah dikecualikan daripada instrumen. Rentetan dari keputusan ini, pengkaji telah menggabungkan dimensi Akhlak dan Tanggungjawab kepada dimensi baharu iaitu Tanggungjawab Moral yang diwakili oleh konstruk Sabar, Keadilan dan Integriti. Jadual 2 menunjukkan nilai Faktor, Kod Item, Item, Pemberat dan Kebolehppercayaan *Cronbach's Alpha*.

Jadual 2: Faktor, Nilai Pemberat dan *Cronbach's Alpha*


Faktor	Kod Item	Item	Pemberat	<i>Cronbach's Alpha</i>
Tawakal	R11	Saya yakin dengan rahmat dan kasih sayang Allah.	.970	0.91
	R9	Saya berharap Allah akan sentiasa bersama saya.	.902	
	R10	Saya berharap Allah akan mengampunkan dosa-dosa saya.	.883	
	R7	Saya yakin Allah akan memberikan petunjuk dan bimbinganNya dalam kehidupan saya.	.793	
	R8	Saya yakin Allah tidak akan mengecewakan saya.	.591	
Perkongasian Ilmu	L9	Saya berkongsi ilmu yang bermanfaat dengan guru-guru atau kakitangan di sekolah.	.920	0.90
	L8	Saya meningkatkan profesionalisme guru-guru atau kakitangan di sekolah melalui perkongsian ilmu.	.880	
	L7	Saya berkongsi kepakaran saya dengan guru-guru atau kakitangan di sekolah.	.856	
	L6	Saya sentiasa berkongsi idea dengan guru-guru atau kakitangan di sekolah.	.639	
Sabar	A2	Saya mengamalkan sikap sabar apabila berunding dengan guru-guru atau kakitangan di sekolah.	.886	0.89
	A3	Kesabaran membantu saya dalam menyelesaikan masalah di sekolah.	.871	
	A1	Saya mengamalkan sifat sabar dalam menghadapi krisis dan cabaran di sekolah.	.828	
	A4	Sifat sabar membawa kepada kejayaan dalam kepimpinan saya.	.691	
Taubat	R18	Bertaubat kepada Allah membuatkan saya sentiasa berhati-hati dengan tingkah laku saya.	.737	0.79
	R15	Saya mengelak daripada melakukan kesilapan sebaik sahaja saya menyedarinya.	.710	
	R14	Saya memohon maaf daripada guru-guru atau kakitangan jika saya telah	.598	

Faktor	Kod Item	Item	Pemberat	Cronbach's Alpha
		melakukan sebarang kesilapan kepada mereka.		
	R17	Saya bertaubat kepada Allah apabila saya melakukan kesilapan dalam pekerjaan saya.	.574	
	R13	Saya mendapatkan maklum balas daripada guru-guru atau kakitangan jika saya telah melakukan sebarang kesilapan.	.565	
	R16	Bertaubat kepada Allah menjadikan saya insan yang lebih baik.	.487	
Takwa	R2	Saya menyandarkan seluruh kehidupan saya hanya kerana Allah.	.912	
	R1	Saya berniat hanya kerana Allah dalam setiap perbuatan.	.846	
	R3	Kasih kepada Allah mendorong saya untuk sentiasa cemerlang dalam kehidupan.	.654	0.85
	R5	Perasaan takut kepada Allah mendorong saya untuk terus cemerlang dalam kehidupan.	.460	
Kesedaran Agama	L3	Mempelajari ilmu agama meningkatkan kesedaran saya tentang matlamat hidup.	.756	
	L4	Saya menuntut ilmu kerana ia adalah salah satu komponen yang penting dalam agama.	.623	
	L1	Saya merasa semakin dekat dengan Allah apabila saya mempelajari ilmu agama.	.622	0.79
	L2	Saya sentiasa belajar dan meningkatkan pengetahuan agama.	.595	
	L10	Saya menghayati pengetahuan agama yang dipelajari. .	.418	
Keadilan	M2	Saya mengambil tindakan yang sewajarnya kepada sesiapa sahaja walau pun saya rapat dengan mereka.	.723	
	M3	Saya memberi layanan yang sama kepada guru-guru atau kakitangan walaupun saya tidak gemar dengan sikap atau tingkah laku mereka.	.679	0.78
	M1	Saya memberikan layanan yang sama kepada semua guru-guru dan kakitangan di sekolah tanpa mengira agama dan kaum.	.610	
	M4	Saya mengagihkan tugas secara adil kepada guru-guru atau kakitangan di sekolah.	.463	
Integriti	M8	Saya mematuhi perjanjian yang saya buat dengan guru-guru atau kakitangan di sekolah.	.729	0.74

Faktor	Kod Item	Item	Pemberat	Cronbach's Alpha
	M9	Saya berusaha untuk menunaikan janji saya dengan guru-guru atau kakitangan di sekolah.	.663	
	M7	Saya merasa kurang selesa apabila menanggungkan sebarang kerja.	.618	
	Total			0.93

Keputusan *Scree Plot* bagi jumlah faktor yang terhasil tidak menunjukkan perubahan garis yang jelas dan tidak dapat menjustifikasi jumlah faktor yang terhasil. Sebagai pertimbangan akhir, saranan teori boleh digunakan untuk meletakkan jumlah faktor yang perlu dikekalkan dalam instrumen (Beavers et al., 2013). Oleh itu di dalam kajian ini, penyelidik sedaya upaya mengekalkan sejumlah faktor yang dicadangkan bagi membolehkan item-item yang telah dibina mewakili konstruk kecerdasan spiritual. Akhirnya, penyelidik mengambil keputusan bahawa 35 item yang mewakili lapan faktor dikekalkan dengan nilai kebolehpercayaan ketekalan dalaman keseluruhan item-item instrument iaitu 0.93.

Keputusan akhir prosedur EFA telah memperoleh dimensionaliti konstruk kecerdasan spiritual secara keseluruhan. Ini menunjukkan bukti awal kesahan konstruk IKSIPS dengan ciri psikometrik yang baik. Rajah 2 menunjukkan model akhir yang akan diuji dalam fasa ketiga untuk meningkatkan bukti kesahan IKSIPS.




Rajah 2: Model Akhir Model Kecerdasan Spiritual Untuk Pemimpin Sekolah

Fasa Ketiga–Analisis Faktor Pengesahan (CFA)


Model pengukuran lapan faktor IKSIPS dengan 35 item telah diuji menggunakan prosedur *maximum likelihood estimation* (MLE) dalam CFA. Analisis awal CFA menunjukkan kesepadanan model (χ^2 (532)=1170.13, $p = 0.000$; $\chi^2/df = 2.199$; CFI=0.903; RMSEA=0.054) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3. Keputusan ini dicapai kerana item-item IKSIPS telah pun melalui prosedur kesahan kandungan CVR dan EFA. Walau bagaimanapun, beberapa item menunjukkan nilai pemberat di bawah nilai ambang (0.60) iaitu bagi item konstruk

Tawakal R10 (0.27) dan item konstruk Taubat item R13 (0.43). Item-item tersebut telah disingkirkan dari IKSIPS bagi meningkatkan lagi indeks kesepadanan model dan juga kesahan konstruk. Bagi item yang menghampiri nilai ambang iaitu item konstruk Tawakal R8 (0.58), item konstruk Taubat R15 (0.51) dan item konstruk Integriti M7 (0.53) masih dikekalkan berdasarkan pertimbangan penyelidik (Reise et al., 2000).



Rajah 3: Kesepadanan Model Awal IKSIPS

Selepas melalui beberapa siri prosedur CFA atau dipanggil repesifikasi model, item-item IKSIPS telah dikurangkan kepada 28 item. Oleh itu, kesepadanan model yang lebih baik diperoleh (χ^2 (322) = 556.89, p = 0.000; CFI = 0.954, RMSEA = 0.042, χ^2/df = 1.73) seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 4. Ia juga dapat memenuhi kriteria kesepadanan model yang lebih jitu (Hu & Bentler, 1999). Indeks modifikasi (MI) turut menunjukkan kesemua item berada di dalam julat nilai ambang yang boleh diterima ($3.84 < MI < 15.0$) iaitu 4.11 hingga 12.94 (Zainudin, 2015). Nilai keseluruhan MI yang berada di bawah 15.0 menunjukkan bahawa tiada isu *cross-loading*. Keputusan ini turut disokong oleh nilai pemberat di bawah nilai ambang 0.90 iaitu di antara 0.53 dan 0.85 (Netemeyer et al., 2003).



Rajah 4: Kesepadanan Model Akhir IKSIPS

Ciri psikometrik tambahan yang mengukuhkan lagi kesahan konstruk pasca CFA bagi IKSIPS adalah bukti kesahan konvergen dengan pemberat melebihi 0.50 dan bukti kesahan diskriminan dengan pemberat kurang dari 0.9 (Hair et al., 2019). Nilai kebolehpercayaan komposit (0.72 hingga 0.86) dan Alpha Cronbach (0.74 hingga 0.91) bagi konstruk-construct IKSIPS menunjukkan ketekalan pengukuran konstruk kecerdasan spiritual dalam kalangan pemimpin sekolah (Hair et al., 2019). Berdasarkan keputusan di atas, IKSIPS telah menunjukkan ciri-ciri psikometrik yang berwibawa setelah melalui ketiga-tiga fasa kesahan di samping nilai kebolehpercayaan yang tinggi. Lampiran 1 merupakan versi akhir IKSIPS selepas melalui prosedur CFA.

PERBINCANGAN

Kajian ini berjaya menyatukan lapan faktor yang mempamerkan ciri-ciri pemimpin sekolah yang memiliki kecerdasan spiritual seperti yang dicadangkan. Manifestasi faktor-faktor melalui prosedur analisis faktor iaitu EFA dan CFA, telah menyokong cadangan teoretikal kerangka konsep (kecuali faktor Kebenaran). Apa yang menarik dalam kajian ini adalah keselarasan saranan sarjana Islam dan teori psikologi yang menyatakan bahawa faktor-faktor adalah saling berkait antara satu sama lain dan telah disokong oleh prosedur analisis faktor penerokaan.

Berbalik kepada faktor Kebenaran yang tidak terjelma dalam model akhir IKSIPS, boleh dikatakan bahawa pemimpin sekolah mungkin agak keberatan untuk bertindak secara telus atau mungkin berkata benar dalam kepimpinan dan pengurusan mereka di sekolah. Situasi ini barangkali wujud kerana pemimpin sekolah ingin menjaga *status quo* dan mungkin juga ingin menjaga hati guru-guru atau kakitangan di sekolah. Namun, situasi ini pada hakikatnya adalah tidak selaras dengan prinsip Islam iaitu 'berkata benar biar pun pahit'. Maka, di dalam hal ini, pemimpin sekolah perlu bijaksana dalam menangani isu-isu yang berlaku dan perlu mengamalkan prinsip kebenaran dalam kepimpinan dan pengurusan mereka di sekolah.

Faktor-faktor lain yang berjaya dijelmakan di dalam model IKSIPS pada hakikatnya merupakan ciri-ciri kecerdasan spiritual yang seharusnya ada di dalam diri setiap pemimpin sekolah. Seandainya ciri-ciri kecerdasan spiritual ini menjadi amalan kepimpinan di sekolah, maka ia akan mewujudkan suasana yang hamonis dan kondusif dalam kalangan warga sekolah. Ini adalah berpadanan dengan prinsip pengurusan kualiti ISO 9001:2015, Klausa 7.1.4 yang menekankan bahawa organisasi seharusnya menyediakan persekitaran kerja yang dapat memelihara kesejahteraan sosial dan psikologi warganya yang terdiri daripada guru-guru dan kakitangan pentadbiran serta kakitangan sokongan. Ia juga menggambarkan kompetensi intrapersonal yang seharusnya ada di dalam pemimpin sekolah. Di dalam hal ini, pemimpin sekolah perlulah sentiasa memastikan agar suasana yang sejahtera dan harmoni sentiasa wujud di sekolah ke arah kemenjadian murid yang diimpikan.

KESIMPULAN

Kajian ini telah berjaya mengintegrasikan disiplin ilmu psikologi Islam dan juga kaedah empirikal psikologi moden dalam menghasilkan instrumen pengukuran afektif. Tasawur Islam atau *Islamic Worldview* yang digunakan sebagai kerangka teori berpotensi menjadi sandaran pembinaan kerangka konsep kecerdasan spiritual. Penghasilan IKSIPS sebagai satu instrumen pengukuran kecerdasan spiritual dapat dijadikan sebagai salah satu alat atau ujian refleksi sendiri dalam latihan kepimpinan pendidikan seperti yang dianjurkan oleh IAB. Walau bagaimanapun, pembinaan instrumen afektif atau psikologi memerlukan usaha penambahbaikan yang berterusan dari masa ke semasa agar ia kekal relevan.

Pada masa hadapan, IKSIPS berpotensi digunakan kepada pemimpin sekolah yang berbeza latar agama dan pegangan dengan melakukan sedikit penambahbaikan dalam kerangka konsep agar dapat diaplikasi secara lebih meluas. IKSIPS juga boleh digunakan untuk melihat kecerdasan spiritual sebagai mediator di dalam kajian berbentuk perhubungan sebab-akibat. Akhirnya penyelidik menaruh harapan agar instrumen ini kelak dapat memberi sumbangan kepada bidang psikologi pendidikan dan juga perkembangan psikologi Islam yang seiring dengan aspirasi Falsafah Pendidikan Negara yang menekankan keseimbangan individu dari segi jasmani, emosi, rohani, intelektual, dan sosial (JERIS).

RUJUKAN

- Abdul-Lateef Abdullah, Azimi Hamzah, Rumaya Juhari, & Jamaliah Abd Hamid (2005). The Muslim Religiosity Personality Inventory (MRPI): Towards understanding differences in the religiosity among the Malaysian youth. *Pertanika Journal of Social science & Humanity*, 13, 173-186.
- Al-Ammar, F. K., Ismaiel H. Ahmed, Mohamad Sahari Nordin (2012). Moral Character of Muslim Personality: Scale validation. *Journal of Education and Practice*, 3, 118–128.
- Al-Attas, S. M. N. (1995). *Prolegomena: To the metaphysics of Islam. An exposition of the fundamental elements of the worldview of Islam*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization.

- Al-Qaradawi, Y. (2010). *Islam: An introduction*. Kuala Lumpur: Islamic Book Trust.
- Amin Senin (2011). *Pemikiran semula pembangunan kepimpinan sekolah*. Genting Highlands: Institut Aminuddin Baki.
- Amram, Y., & Dryer, C. (2008). *The Integrated Spiritual Intelligence Scale (ISIS): Development and preliminary validation*. Paper presented at the 116th Annual (August 2008) Conference of the American Psychological Association, Boston, MA. Retrieved September 7, 2021, from <http://www.yosiamram.net/papers>
- Bar-On, R., & Rock (2013). *Measuring spiritual development and learning how it impacts our lives*. Retrieved Oct 19, 2013. <http://www.sq-i.org/>.
- Beavers, A. S., Lounsbury, J. W., Richards, J. K., Huck, S. W., Skolits, G. J., & Esquivel, S. L. (2013). Practical considerations for using exploratory factor analysis in educational research. *Practical Assessment Research & Evaluation*, 18, 1–13.
- Bensaid, B., Machouche, S., & Grine, F. (2014). A Qur'anic framework for spiritual intelligence, *Religions*, 5, 179–198. DOI:10.3390/rel5010179
- Byrne, B. M. (2010). *Structural equation modeling with AMOS: Basic concepts, applications and programming*. New York, London: Routledge, Taylor and Francis group, LLC.
- Clark, L. A., & Watson, D. (1995). Constructing validity: Basic issues in objective scale development. *Psychological Assessment*, 7, 309–319.
- Covey, S. R. (2004). *The 8th habit. from effectiveness to greatness*. New York: Free Press.
- Cowan, D. A. (2005). Translating spiritual intelligence into leadership competencies. *Journal of Management, Spirituality & Religion*, 2, 3–38.
- Crow, K. D. (2006). The intellect in Islamic thought: Mind and heart. *The Official Journal of the Centre for Civilisational Dialogue*, 2, 1–16.
- El-Menouar, Y. (2014). The five dimensions of Muslim Religiosity. Results of an empirical study. *Methods, Data, Analyses*, 8(1), 53–78. <http://doi.org/10.12758/mda.2014.003>
- Fatimah Abdullah (2012). Teaching Islamic ethics and ethical training: Benefiting from emotional and spiritual intelligence. *International Journal of Humanities and Social Science*, 2, 224–232.
- Field, A. (2017). *Discovering statistics using SPSS* (5th ed.). Thousand Oaks: Sage.
- Fisher, R. C., Gerstner, J. J., & Bandalos, D. L. (2013, May). *A review and analysis of scale development procedures in psychology and education*. Poster presented at the annual conference of the Association for Psychological Science, Washington D.C.
- Floyd, F. J., & Widaman, K. F. (1995). Factor analysis in the development and refinement of clinical assessment instruments. *Psychological Assessment*, 7, 286–299.
- Hair, J.F., Black, W.C., Babin, B. J., Anderson, R. E., & Tatham, R. L. (2019). *Multivariate data analysis* (8th ed.). New Jersey: Prentice Hall. 56.
- Hildebrandt, S. L. (2011). *Spiritual intelligence: Is it related to a leader's level of ethical development*. UMI dissertation publishing.
- Hogan, T. P. (2007). *Psychological testing: A practical introduction* (2nd ed.). New Jersey: Wiley.
- Institut Aminuddin Baki (2016). *Kursus Keberkesanan Kendiri Dalam Pengurusan Pendidikan: Program NPQEL*. Bandar Enstek: Institut Aminuddin Baki.
- Iskandar (2012). Lokus kecerdasan spiritual dalam perspektif Al-Qur'an. *Suhuf*, 5(1), 37–50.
- Ker-Dincer, M. (2007). Educators roles as spiritually intelligent leaders in educational institutions. *International Journal of Human Sciences*, 4(1), 1–22.
- King, D. B. & DeCicco, T. L. (2009). A viable model and self-report measure of spiritual intelligence. *International Journal of Transpersonal*, 28, 68–85.
- Knekta, E., Runyon, C., & Eddy, S. (2019). One Size Doesn't Fit All: Using Factor Analysis to Gather Validity Evidence When Using Surveys in Your Research. *CBE—Life Sciences Education*, 18(1), 1–17.
- Kline, R. B. (2011). *Principles and practice of structural equation modeling* (3rd ed.). New York, NY: Guilford Press.
- Lawshe, C.H. (1975). A quantitative approach to content validity. *Personnel Psychology*, 28, 563–575.
- Matsunaga, M. (2010). How to factor-analyze your data right : Do's, don'ts, and how to's. *International Journal of Psychological Research*, 3, 97–110.

- Meyers, L., Gamst, G., & Guarino, A. J. (2013). *Applied multivariate research design and interpretation* (2nd ed.). Newbury Park, CA: Sage.
- Netemeyer, R. G., Bearden, W. O., & Sharma, S. (2003). *Scaling procedures: Issues and application*. Thousand Oaks: Sage Publication.
- Pallant, J. (2010). *SPSS survival manual: A step by step guide to data analysis using SPSS* (4th ed.). New York: McGraw Hill.
- Rahimah Ahmad, & Hailan Salamun (2013). Moral commitment in Rabbani Leadership of Islamic secondary school principals in Malaysia. *Malaysian Online Journal of Educational Management*, 1(2), 41–63.
- Reise, S. P., Waller, N. G., & Comrey, A. L. (2000). Factor analysis and scale revision. *Psychological Assessment*, 12, 287–297. DOI:10.1037//1040-3590.12.3.287
- Schumacker, R. E., & Lomax, R. G. (2010). *A beginner's guide to Structural Equation Modeling*. New York: Routledge.
- Saedah Siraj, Shamsiah Banu Hanefar, Che Zarrina Sa'ari, & Mohammed Sani Ibrahim (2016). Pembangunan kecerdasan spiritual dalam transformasi pendidikan nasional. In H. A. Hussein & S. I. Mohammed (Eds.), *Transformasi pendidikan nasional: Antara aspirasi dan anjakan* (pp. 153-172). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill building approach*. John Wiley & Son: Singapore.
- Shabnam & Tung, N. S. (2013). Intelligence, Emotional and Spiritual Quotient as elements of effective leadership. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 21, 315–328.
- Tajulashikin Jumahat (2018). The development and validation of an Islamic spiritual intelligence instrument for school leaders in Malaysia. Unpublished doctoral thesis, International Islamic University Malaysia, Gombak.
- Wigglesworth, C. (2006). Why spiritual intelligence is essential to mature leadership. *Integral Leadership Review*.
- Zainudin Awang (2015). *SEM made simple: A gentle approach to learning structural equation modeling*. Bandar Baru Bangi: MPWS Rich Publication.

LAMPIRAN 1**INSTRUMEN KECERDASAN SPIRITUAL UNTUK PEMIMPIN SEKOLAH (IKSiPS)****ARAHAN:**

Sila tandakan pilihan kenyataan yang paling sesuai dengan diri tuan/puan pada ketika ini.

1	2	3	4	5
Amat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Agak Setuju	Setuju	Amat Setuju

KESEDARAN ROHANI

- 1.1** Saya berniat hanya kerana Allah dalam setiap perbuatan.
 - 1.2** Saya menyandarkan seluruh kehidupan saya hanya kerana Allah.
 - 1.3** Kasih kepada Allah mendorong saya untuk sentiasa cemerlang dalam kehidupan.
 - 1.4** Perasaan takut kepada Allah mendorong saya untuk terus cemerlang dalam kehidupan.
 - 1.5** Saya yakin Allah akan memberikan petunjuk dan bimbinganNya dalam kehidupan saya.
 - 1.6** Saya yakin Allah tidak akan mengecewakan saya.
 - 1.7** Saya berharap Allah akan sentiasa bersama saya.
 - 1.8** Saya bertaubat kepada Allah apabila saya melakukan kesilapan dalam pekerjaan saya.
 - 1.9** Bertaubat kepada Allah menjadikan saya insan yang lebih baik.
 - 1.10** Saya mengelak daripada melakukan kesilapan sebaik sahaja saya menyedarinya.
 - 1.11** Bertaubat kepada Allah membuatkan saya sentiasa berhati-hati dengan tingkah laku saya.
-

TANGGUNGJAWAB MORAL

- 2.1** Saya mengamalkan sifat sabar dalam menghadapi krisis dan cabaran di sekolah.
- 2.2** Saya mengamalkan sikap sabar apabila berunding dengan guru-guru atau kakitangan di sekolah.
- 2.3** Kesabaran membantu saya dalam menyelesaikan masalah di sekolah.
- 2.4** Saya memberikan layanan yang sama kepada semua guru-guru dan kakitangan di sekolah tanpa mengira agama dan kaum.
- 2.5** Saya mengambil tindakan yang sewajarnya kepada sesiapa sahaja walau pun saya rapat dengan mereka.
- 2.6** Saya memberi layanan yang sama kepada guru-guru atau kakitangan di sekolah walaupun saya tidak gemar dengan sikap atau tingkah laku mereka.
- 2.7** Saya mengagihkan tugas secara adil kepada guru-guru atau kakitangan di sekolah.
- 2.8** Saya merasa kurang selesa apabila menanggungkan sebarang kerja.
- 2.9** Saya mematuhi perjanjian yang saya buat dengan guru-guru atau kakitangan di sekolah
- 2.10** Saya berusaha untuk menunaikan janji saya dengan guru-guru atau kakitangan di sekolah.

PEMBELAJARAN BERTERUSAN

- 3.1** Saya sentiasa belajar dan meningkatkan pengetahuan agama.
 - 3.2** Mempelajari ilmu agama meningkatkan kesedaran saya tentang matlamat hidup.
 - 3.3** Saya menuntut ilmu kerana ia adalah salah satu komponen yang penting dalam agama.
 - 3.4** Saya menghayati pengetahuan agama yang dipelajari.
 - 3.5** Saya berkongsi kepakaran saya dengan guru-guru atau kakitangan di sekolah.
 - 3.6** Saya meningkatkan profesionalisme guru-guru atau kakitangan di sekolah melalui perkongsian ilmu.
 - 3.7** Saya berkongsi ilmu yang bermanfaat dengan guru-guru atau kakitangan di sekolah.
-